

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada **jam 1200, Rabu, 24 Mei 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN**  
**SUKU TAHUN KEDUA 2023**

---

**Jangkaan perniagaan untuk suku tahun kedua 2023 perlahan dengan petunjuk keyakinan negatif 3.1 peratus**

**PUTRAJAYA, 24 MEI 2023** – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Kedua 2023**. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi suku tahun dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, “Sentimen perniagaan untuk jangka masa pendek bertukar pesimistik apabila petunjuk keyakinan menurun kepada -3.1 peratus pada suku tahun kedua 2023 daripada +3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya (**Paparan I**)”. Jangkaan ini adalah selari dengan kelembapan ekonomi global yang berterusan termasuk tekanan inflasi.

Tiga sektor iaitu sektor Pembinaan, Perdagangan Borong & Runcit dan Industri menjangkakan keadaan perniagaan yang mencabar pada suku tahun kedua 2023. Keyakinan perniagaan bagi sektor Pembinaan kekal di trajektori negatif dengan petunjuk keyakinan mencatatkan -26.9 peratus pada suku tahun rujukan. Manakala, sektor Perdagangan Borong & Runcit serta Industri berubah pesimistik pada suku tahun yang sama. Responden dalam sektor Perdagangan Borong & Runcit

menjangkakan prospek perniagaan yang kurang menggalakkan dengan petunjuk keyakinan sebanyak -10.2 peratus pada suku tahun kedua 2023 berbanding +4.0 peratus pada suku yang lalu, di mana kedua-dua subsektor mencatatkan persepsi yang tidak menggalakkan. Sektor Industri juga meramalkan keadaan perniagaan yang kurang menggalakkan pada suku tahun kedua 2023 apabila petunjuk keyakinan merekodkan -2.1 peratus daripada +1.1 peratus sebelumnya. Walau bagaimanapun, sektor Perkhidmatan terus optimistik terhadap prestasi perniagaan dengan petunjuk keyakinan +3.9 peratus pada suku tahun yang sama berbanding +11.4 peratus pada suku tahun pertama 2023.

Dalam tempoh enam bulan akan datang iaitu April hingga September 2023, tinjauan perniagaan kekal positif dengan imbalan bersih +14.9 peratus daripada +12.1 peratus yang dicatatkan sebelumnya (**Paparan II**). Sektor Perkhidmatan menunjukkan sektor yang paling optimistik, mencatat imbalan bersih yang lebih baik iaitu +30.1 peratus berbanding +28.0 peratus bagi separuh pertama tahun 2023. Semua subsektor di bawah sektor Perkhidmatan meramalkan keadaan perniagaan yang menggalakkan dalam tempoh enam bulan akan datang. Pada masa yang sama, sektor Industri mencatatkan imbalan bersih yang lebih cerah dengan +15.6 peratus bagi enam bulan akan datang berbanding +2.4 peratus yang dicatatkan sebelum ini. Sebaliknya, sektor Pembinaan menjangkakan situasi perniagaan yang kurang menggalakkan untuk enam bulan akan datang, berakhir September 2023 dengan imbalan bersih sebanyak -7.7 peratus daripada +7.1 peratus sebelumnya. Begitu juga, sentimen dalam sektor Perdagangan Borong & Runcit berubah pesimistik dengan imbalan bersih -4.7 peratus berbanding +16.7 peratus yang dicatatkan bagi tempoh Januari hingga Jun 2023.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data.

OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Dikeluarkan oleh:


**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**24 MEI 2023**

## Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2018 – 2023



## Paparan II: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2019 – 2023



**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, May 24 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**BUSINESS TENDENCY STATISTICS**  
**SECOND QUARTER 2023**

---

***Business expectation for second quarter 2023 slowing down with confidence indicator recording negative 3.1 per cent***

***PUTRAJAYA, MAY 24, 2023*** – The Department of Statistics Malaysia today released ***Business Tendency Statistics for the Second Quarter 2023***. This publication presents expectations on business performance for the upcoming quarter and six months ahead. The statistics are based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

According to the Department of Statistics Malaysia, “Business sentiments for the near term turned pessimistic as the confidence indicator decreased to -3.1 per cent in the second quarter of 2023 from +3.6 per cent in the last quarter **(Exhibit I)**”. This expectation is in line with global economic slowdown amid persistent challenges including inflationary pressures.

Three sectors namely Construction, Wholesale & Retail Trade and Industry anticipate challenging business conditions in the second quarter 2023. The business confidence for Construction sector remained in a negative trajectory with confidence indicator recorded -26.9 per cent in the reference quarter. Meanwhile, Wholesale & Retail Trade and Industry sectors turned pessimistic in the same quarter. Respondents within the

Wholesale & Retail Trade sector expects a less favourable business outlook with a confidence indicator of -10.2 per cent in the second quarter 2023 as against +4.0 per cent in the last quarter, where both of the sub-sectors posted discouraging perceptions. Industry sector also foresees a less favourable business situation in the second quarter 2023 as the confidence indicator recorded -2.1 per cent from +1.1 per cent previously. However, Services sector continues to be optimistic about the business performance with confidence indicator of +3.9 per cent for corresponding quarter as compared to +11.4 per cent in the first quarter of 2023.

In the next six months namely April to September 2023, business outlook remained positive with a net balance of +14.9 per cent from +12.1 per cent recorded previously **(Exhibit II)**. Services sector showed the most optimistic sector, registering an improved net balance of +30.1 per cent as against +28.0 per cent for the first half of 2023. All sub-sectors under Services sector foresee favourable business conditions in the next six months. Concurrently, Industry sector recorded a brighter net balance with +15.6 per cent in the forthcoming six months compared to +2.4 per cent recorded previously. Conversely, the Construction sector anticipates less favourable business situation for the six months ahead, ending September 2023, with a net balance of -7.7 per cent from +7.1 per cent previously. Similarly, sentiments within Wholesale & Retail Trade sector turned pessimistic with a net balance of -4.7 per cent as compared to +16.7 per cent recorded for the period of January until June 2023.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics

*Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.*

*Released by:*

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**24 MAY 2023**

**Exhibit I: Quarterly Confidence Indicator, Malaysia, 2018 - 2023****Exhibit II: Net Balance of Business Performance Expectation for Upcoming Six Months, Malaysia, 2019 – 2023**